

07 FEB 2001

Napsiah-lelong

WIM MINTA SUMBANGAN BARANGAN LAMA UNTUK LELONGAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Institut Pengurusan Wanita (WIM) hari ini meminta orang ramai menyumbangkan barangan lama yang masih boleh digunakan untuk program lelongan amalnya melalui laman web.

Pengerusi WIM Datuk Napsiah Omar berkata laman web itu dijangka akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Feb ini.

"Kami meminta orang ramai menyumbangkan barangan lama mereka yang masih boleh digunakan, supaya kami dapat menjualnya melalui laman web kami -- ini adalah lelongan pertama seumpama itu oleh pertubuhan bukan kerajaan," katanya pada sidang berita di sini hari ini.

Pelancaran laman web itu bersempena dengan perasmian Wisma WIM oleh Dr Mahathir, yang juga dijadualkan melancarkan program WIM-ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) untuk wanita.

Napsiah berkata sejumlah sembilan syarikat dan institusi telah bersetuju untuk menyertai program WIM-ICT, yang menawarkan pelajaran komputer dengan percuma.

"Ini adalah respons kami kepada keperluan hari ini. Wanita perlu tahu ICT supaya boleh ajar anak-anak," kata Napsiah.

Program itu terbuka kepada individu dan pertubuhan dan mereka yang berminat boleh menghubungi WIM melalui laman web www.wimnet.org.my atau telefon 03-77250268/77250288 atau 77299909.

Sejak tahun 1993, WIM telah menganjurkan lebih 120 kursus dan lebih 7,000 wanita telah menyertainya, dari seluruh negara.

Wisma WIM yang berharga RM10 juta di Jalan Abang Haji Openg di Taman Tun Dr Ismail di sini, mempunyai dewan serba guna, kawasan pameran, hostel, perpustakaan, bilik seminar dan juga dewan khas yang diberi nama "Hall of Fame".

-- BERNAMA

NM ZS RI